



LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Perusahaan Tanjung Armada (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(12)(a) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menjalankan kerja pengubahsuaian masjid berhampiran pepasangan elektrik, iaitu talian atas voltan tinggi 33kV milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa kebenaran sah TNB sehingga menyebabkan bahaya, iaitu kematian akibat terkena renjatan elektrik. Pada 27 April 2025, OKS mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000.00. OKS telah membayar denda tersebut.